



يوئورسيٲى سلطان زين العابدين  
**UNISZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

## **PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN (RMIC) GARIS PANDUAN MENYERTAI PERSIDANGAN DALAM NEGARA BAGI PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)**

### **1.0 SYARAT-SYARAT DAN KAEDAH PERMOHONAN**

- 1.1 Pemohon dibenarkan menyertai persidangan satu (1) kali setahun di dalam negara sahaja.
- 1.2 Pemohon mestilah masih dalam tempoh pengajian di UniSZA.
- 1.3 Permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat RMIC melalui Ketua Projek selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh persidangan dengan mengisi Borang Permohonan Menyertai Persidangan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) – UniSZA-PT02-PK01-BR007.
- 1.4 Segala kos pembiayaan dan yuran penyertaan adalah tertakluk kepada jumlah baki geran penyelidikan.
- 1.5 Hanya pembentangan secara lisan akan dibiayai sepenuhnya, manakala bagi pembentangan poster, hanya yuran penyertaan sahaja akan dibiayai.
- 1.6 Tempoh pembiayaan penyertaan persidangan ialah mengikut tarikh persidangan dan tambahan (2) hari iaitu sehari sebelum dan sehari selepas persidangan.
- 1.7 Kadar bayaran tuntutan elaun makan, elaun penginapan/lojing dan yuran persidangan adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang digunakan oleh Jabatan Bendahari.